

## Komentar 4

# PKC Merupakan Kuasa yang Menentang Alam Semesta

### Pendahuluan

Orang China amat menitikberatkan “Tao” (juga sebagai Dao, atau jalan). Pada zaman kuno, raja yang zalim disebut “raja dungu tanpa Tao”. Sebarang perlakuan yang tidak sesuai dengan standard moral dipanggil sebagai “tidak mengikuti prinsip Tao”, dan ini ditandai dengan dua akar kata bahasa Cina “Dao De”, yang bermaksud “Tao” dan “kelakuan mulia”. Sehinggakan petani yang memberontak pun mengeluarkan sepanduk besar yang bertuliskan “mewakili langit (makna terjemahan terus, syurga) melaksanakan Tao”. Lao Zi [1] mengatakan “Terdapatnya sesuatu yang misteri dan lengkap, yang wujudnya sebelum langit (syurga) dan bumi. Senyap, tanpa bentuk, sempurna, wujud tunggal dan tidak berubah. Hidup kekal selamanya di mana-mana dalam kesempurnaan, adalah merupakan ibu induk kepada semua benda. Saya tidak tahu apakah namanya; saya memanggilkannya sebagai Tao (makna terjemahan terus, jalan).” Yang juga bermaksud, daripada “Tao”, terciptanya langit dan bumi.

Akan tetapi hampir seratus tahun ini, roh komunis menyerbu dan menakluk secara keras, terbentuknya sebentuk tenaga yang bertentangan dengan alam semulajadi dan kemanusiaan, sehingga menyebabkan pelbagai kesengsaraan dan tragedi, menolak peradaban manusia ke pinggir kehancuran. Roh komunis ini mengkhianati “Tao” dengan melakukan pelbagai macam tindakan kezaliman, melawan langit dan bumi, lantar menjadi suatu kuasa yang sangat jahat, keji dan mungkar yang menentang alam semesta.

“Manusia mengikuti bumi, bumi mengikuti langit, langit mengikuti hukum Tao, Tao mengikuti hukum alam semulajadi” [2]. Sejak dari zaman kuno lagi orang China percaya dan mematuhi prinsip langit dan manusia saling menyatu, manusia hidup berharmoni dengan langit dan bumi, hidup saling bergantungan antara satu sama lain. Hukum universal Tao tidak berubah, universal berjalan berdasarkan Tao dalam corak yang teratur. Bumi mengikut perubahan di langit, juga mempunyai aturan perubahan empat musim. Dengan menghormati langit dan bumi, menghargai dan menyayangi alam semulajadi, manusia menjalani kehidupan harmoni yang direstui, dan ini ditunjukkan melalui pepatah china yang berbunyi “masa kesempatan yang tepat takdir daripada langit, kedudukan bentuk muka bumi geografi yang strategik, dan keharmonian antara rakyat bersama”. [3] Dalam konsep fikiran masyarakat Cina, bidang astronomi, geografi, sistem kalender, perubatan, kesusasteraan, sehingga kepada struktur masyarakat, semuanya seiringan dengan pengertian ini.

Akan tetapi, komunis mempropagandakan bahawa “Manusia pasti akan menang melawan langit”. “Falsafah pertarungan” komunis meremehkan dan menghina alam semulajadi. Mao Zedong berkata, “Bertarung dengan langit asyiknya tak terhingga, bertarung dengan bumi asyiknya tak terhingga, bertarung dengan manusia asyiknya tak terhingga”. Mungkin komunis mendapatkan keasyikan sesungguhnya daripada itu, namun rakyat disebabkan ini telah membayar dengan pengorbanan yang amat parah.

### I. Bertarung dengan Orang dan Melenyapkan Sifat Kemanusiaan.

### **(i) Menterbalikkan antara Kebaikan dan Kejahatan, dan Melenyapkan Sifat Manusiawi**

Manusia, mula-mulanya wujud secara semulajadi, kemudian barulah hidup bersesuaian dengan keadaan sosial masyarakat. “Sifat hakiki manusia lahirnya adalah baik” [4], dan “rasa belas kasih dimiliki setiap insan” [5]; standard penilaian manusia terhadap perbezaan antara benar dengan salah, baik dengan jahat, kebanyakannya adalah merupakan bawaan lahiriah. Namun bagi PKC, manusia itu ialah binatang bahkan ialah mesin. Sama ada kelas kapitalis ataupun kelas proletariat, di kaca mata mereka semuanya hanyalah merupakan kuasa material.

Tujuan PKC adalah untuk mengawal manusia, secara beransur-ansur mengubah manusia menjadi gerombolan ganas revolusi yang memberontak. Marx berkata, “Kuasa material harus dihancurkan dengan kuasa material; dan apabila teori sudah menguasai massa, maka dapat berubah menjadi kuasa material.” [6] Menurutnya, seluruh sejarah manusia tidak lain adalah merupakan evolusi (perubahan yang tidak henti) sifat manusiawi, dan sifat manusiawi itu adalah merupakan sifat kelas. Marx beranggapan bahawa segala-galanya tidak ada unsur dalaman dan bawaan sejak lahir, dan semuanya adalah merupakan hasil alam persekitarannya. Dia menganggap bahawa umat manusia, secara keseluruhannya ialah “manusia sosial”, dan juga tidak bersetuju dengan konsep “manusia semulajadi” yang dicadangkan oleh Feuerbach.

Lenin berkata: “Teori Marxisme tidak mungkin dapat dijanakan secara semulajadi dalam kelas buruh, maka harus diindoktrinasikan daripada luar.” Walaupun Lenin telah habis memeras otaknya, namun tetap tidak dapat membimbing golongan buruh mengubah perjuangan ekonomi mereka kepada perjuangan politik untuk merebut kekuasaan. Daripada itu dia menaruh harapan pada “Teori Refleks Bersyarat” daripada Ivan Petrovich Pavlov yang meraih hadiah Nobel, mengatakan bahawa teori tersebut “mempunyai erti yang sangat penting bagi kelas buruh di seluruh dunia.” Trotsky [7] lebih-lebih lagi berangan bahawa dengan “Refleks Bersyarat” ini tidak hanya dapat mengubah seseorang secara psikologi, tetapi juga secara fizikal, seperti anjing yang air liurnya meleleh apabila mendengarkan bunyi loceng makan tengah hari berdering, membuat pasukan tentera apabila mendengarkan bunyi tembakan terus mara pantang mundur, rela mengorbankan jiwa untuk parti komunis.

Sejak daripada kuno lagi, orang ramai percaya dengan kerajinan dan bekerja keras dapat memperoleh ganjaran, melalui ketekunan membuat kehidupan serba mencukupi. Manakala yang gemar makan, malas bekerja, tidak mengerjakan usaha tetapi mengaup hasil, dipandang sebagai tidak bermoral. Komunis menyerupai wabak yang merebak ke seluruh negeri China, mendorong gengster jalanan dan pemalas untuk membahagikan tanah, merampas harta benda, menzalimi kaum lelaki dan perempuan, semuanya dilakukan secara terang-terang, menjadi perbuatan yang sah.

Semua orang mengetahui bahawa adalah merupakan amalan baik untuk menghormati orang yang lebih tua dan menjaga yang muda, sedangkan adalah tidak mulia bagi tidak menghormati orang yang lebih tua dan guru. Pendidikan Confucius pada masa dahulu dibahagikan kepada dua bahagian: Xiao Xue (Pelajaran Rendah) dan Da Xue (Pelajaran Tinggi). Pendidikan Xiao Xue diterima oleh kanak-kanak di bawah umur 15 tahun, isi pelajarannya tertumpu kepada kebersihan, tingkah laku, tutur kata dan etika-etika yang lain. Setelah itu pendidikan Da Xue pula menitikberatkan sifat baik moral dan pemahaman terhadap Tao. [8] Namun begitu, PKC semasa dalam gerakan kempennya mengkritik Lin Biao [9] dan Confucius serta menjatuhkan martabat guru, telah membuat standard moral tersebut terpadam seluruhnya daripada fikiran generasi muda.

Orang zaman dahulu berkata: “Sehari menjadi guru saya, maka seumur hidup akan saya hormatinya sebagai ayah saya.”

Pada 5 Ogos 1966, Bian Zhongyun, seorang guru di bahagian Sekolah Tinggi Perempuan daripada Universiti Perguruan di Beijing, diseksas oleh pelajar-pelajar wanitanya, dia dipaksa memakai topi tinggi, bajunya disirami dakwat, lehernya digantung papan hitam yang mencela, diiringi gendang tong sampah diarak mengelilingi jalan, dipaksa berlutut, dipukul dengan kayu yang penuh tertancap dengan paku, disiram dengan air panas dan diseksas hidup-hidup sehingga mati.

Di bahagian Sekolah Tinggi Perempuan daripada Universiti Beijing, Guru Besarnya dipaksa oleh pelajar-pelajar menabuh baldi rosak sambil berteriak “Saya ialah syaitan jahat”. Rambutnya digunting habis dengan sesuka hati bagi mengaibkannya, kepalanya dipukul hingga berdarah, ditolak jatuh dan diarah merangkak di tanah.

Semua orang menyetujui bahawa bersih itu baik, sedangkan kotor itu tidak baik. Akan tetapi PKC mempropagandakan bahawa: membiarkan “tubuh berlumpur, tangan berbelulang”, dan “tangan kotor hitam, di kaki ada tahi kerbau”. [10] Cara berfikir orang semacam inilah yang dianggap sebagai berfikiran revolusi dan popular, baru diperbolehkan menuntut di universiti, menjadi anggota parti, naik pangkat dan menjadi generasi ketua komunis merah.

Kemajuan umat manusia adalah kemajuan dalam ilmu pengetahuan, akan tetapi di bawah kekuasaan komunis, ilmu pengetahuan menjadi sesuatu yang tidak baik. Golongan intelektual dilabelkan sebagai “sembilan kategori busuk”, orang yang berkebudayaan dan berpelajaran diharuskan belajar daripada orang yang tidak berbudaya, harus menerima pendidikan semula daripada petani miskin baru dapat memulakan kehidupan baru. Demi melaksanakan pendidikan semula terhadap kaum intelektual, guru-guru daripada Universiti Qinghua diusir ke Pulau Liyu di Nanchang, Daerah Jiangxi. Daerah ini terkenal dengan wabak penyakit Schistosomiasis [11], bahkan kem kerja paksa yang asalnya berada di sana pun terpaksa berpindah tempat. Guru-guru ini apabila tersentuh air sungai sahaja, segera akan dijangkiti penyakit tersebut. Satu demi satu menjangkiti penyakit sirosis hati, penyakit busung (gembung perut), banyak orang kehilangan kemampuan untuk menjalani kehidupan dan bekerja.

Khmer Rouge (Parti Komunis Kemboja) yang dihasut oleh bekas Perdana Menteri China Zhou Enlai, menindas golongan intelektual sehingga kemuncaknya. Sesiapa saja yang mempunyai pemikiran mandiri dan berdikari akan dijalani reformasi, dengan cara penghapusan dalam bentuk rohaniah dan fizikal. Dari tahun 1975 hingga 1978, seperempat daripada jumlah populasi penduduk Kemboja telah dibunuh. Ada orang yang tidak dapat terhindar daripada maut kerana di mukanya terdapat tanda memakai cermin mata.

Selepas kemenangan komunis Komboja pada tahun 1975, Pol Pot mulai membangunkan impian sosialisme yang pra-matang, iaitu “syurga di masyarakat manusia” yang tidak mengenal adanya perbezaan kelas, tidak ada perbezaan antara kota dan desa, tidak ada mata wang, tidak ada perdagangan komersial. Pada akhirnya keluarga juga dibubarkan, dan dibentukkan barisan pekerja lelaki dan barisan pekerja wanita. Semuanya dipaksa bekerja bersama, makan bersama di kuali nasi besar, memakai pakaian seragam revolusi berwarna hitam atau pakaian seragam militer yang sama. Suami isteri hanya boleh berjumput satu kali seminggu setelah mendapat keizinan.

Komunis menuntut tidak takut dengan langit, tidak takut dengan bumi, dengan angkuhnya cuba berangan mereformkan langit dan bumi, ini padahalnya adalah ingin menyangkal secara total unsur dan kuasa yang baik dan benar dalam alam semesta ini. Mao Zedong semasa dia seorang pelajar menuliskan: “Dalam setiap abad, pelbagai bangsa telah melakukan bermacam-macam revolusi yang besar. Yang lama dibersihkan, dan digantikan dengan yang baru, yakni merupakan perubahan besar yang melibatkan hidup dan mati, berhasil atau musnah. Ini juga menyerupai kemusnahan alam semesta ini. Kemusnahan alam semesta pasti bukannya kemusnahan yang terakhir, dan tanpa ragu-ragu kemusnahan di sini pasti akan membawa kelahiran baru di sana. Saya mengharapkan

kemusnahan sedemikian, kerana dengan memusnahkan alam semesta lama akan mendapatkan alam semesta baru, bukankah itu adalah lebih baik daripada alam semesta yang lama?"

Hubungan kasih sayang kekeluargaan ialah emosi insan yang semulajadi. Hubungan yang normal yang terjalin antara suami isteri, anak, ayah ibu, teman dan individu sesama individu membentuk masyarakat manusia. Melalui bermacam-macam gerakan politik yang tidak pernah berhenti, PKC telah mengubah manusia menjadi serigala, bahkan lebih buas dan kejam daripada serigala. Sebuas-buasnya harimau tidak akan memakan anak sendirinya, namun di bawah kekuasaan PKC, ayah ibu, anak, suami isteri saling membongkar dan mengutuk, kes memutuskan hubungan kekeluargaan terjadi di mana-mana.

Pada tahun 1960-an dalam sebuah sekolah rendah di Beijing, seorang guru wanita sewaktu mengimlakkan kata-kata baru kepada murid-muridnya secara tidak sengaja meletakkan kata-kata "sosialisme" dan "runtuh" bersama. Kejadian itu dibongkarkan oleh murid-muridnya. Setelah itu setiap hari dia dikritik dan ditampar oleh yang murid lelaki. Anak perempuannya memutuskan hubungan dengan ibunya, dia terus membongkar sebarang pergerakan ibunya di depan kelas tentang "arah perkembangan baru pertarungan kelas" tentang ibunya itu. Setelah itu selama bertahun-tahun pekerjaan guru tersebut adalah membersihkan sekolah dan tandas.

Mereka yang melewati masa Revolusi Kebudayaan tidak akan melupakan kisah Zhang Zhixin yang dipenjarakan kerana mengkritik Mao tentang kesilapan dalam Langkah Jauh ke Hadapan. Polis penjara tanpa peri kemanusiaan telah berkali-kali melucutkan pakaianya, menelanjanginya, menggari tangannya di belakang, dan memasukkannya ke dalam ruang tahanan lelaki, dibiarkan diperkosa secara bergilir-gilir, akhirnya dia telah mengalami sakit jiwa. Meskipun demikian, sewaktu pelaksanaan hukuman mati, dikhuatiri dia akan meneriakkan slogan, algojo penjara terus menekan kepalanya di atas batu-bata, kelongkongnya langsung digorok tanpa bius ....

Meskipun dalam penindasan terhadap Falun Gong dalam beberapa tahun belakangan ini, PKC masih tetap menggunakan taktik-taktik lama yang membuatkan permusuhan dan menghasut tindakan kekerasan.

Parti Komunis menyekat sifat hakiki manusia yang baik dan jujur, sebaliknya menghasut, membiarkan dan menggunakan sifat segi jahat manusia untuk memperkuatkan kekuasaannya. Gerakan jahat yang berkali-kali dilakukan, sehingga membuat orang yang berhati nurani pun berasa takut terhadap kekerasan dan terbenam dalam kebungkaman. Komunis secara sistematik telah memusnahkan kesemua pengertian umum tentang moral yang ada di alam semesta ini, dalam usahanya untuk menterbalikkan konsep baik dengan buruk, dan malu dengan maruah yang telah dipertahankan umat manusia selama ribuan tahun.

## **(ii) Kejahanatan yang menjangkaui hukum saling menjana dan saling membatas**

Lao Zi berkata, "Di dunia semua boleh melihat kecantikan sebagai kecantikan hanya kerana adanya kehodohan. Semua boleh tahu akan kebaikan sebagai kebaikan hanya kerana terdapatnya kejahanatan. Maka ada dan tiada saling muncul bersama, kesusahan dan kesenangan saling melengkapinya antara satu sama lain, panjang dan pendek saling kontras, tinggi dan rendah saling bergantungan, suara dan bunyi saling berharmoni, depan dan belakang saling mengikuti." [12] Pendek kata, di dunia ini wujudnya hukum saling menjana dan saling membatas. Manusia tidak hanya terbahagi kepada baik dan buruk, mahupun dalam diri manusia sendiri juga terdapat unsur baik dan jahat yang wujud secara bersamaan.

Dao zhi, suatu ikon yang dianggap wakil daripada perompak, namun dia berkata kepada pengikut-pengikutnya bahawa "perompak juga harus mengikuti cara Tao". Katanya lebih lanjut, menjadi penyamun juga harus "bermaruah, gagah berani, adil, arif dan berperikemanusiaan." Dengan kata lain,

meskipun jadi penyamun juga tidak boleh bertindak sewenang-wenangnya, masih tetap harus mematuhi peraturan yang ada.

Menatap kembali sejarah PKC, boleh dikatakan penuh dengan pelbagai tipu muslihat dan pengkhianatan, tidak ada apa-apa pun peraturan yang mengekang. Misalan perompak pun paling mengutamakan “keadilan”, bahkan tempat membahagikan hasil rompakan pun disebut sebagai “ruang berkumpul keadilan untuk membahagikan hasil rompakan.” Akan tetapi di kalangan komrad PKC jika sesekali menghadapi krisis, segera saling membongkar, memijak-mijak lagi orang yang sudah jatuh, malahan memfitnah, menganiaya dan mengada-ada.

Mengambil kes Peng Dehuai sebagai contoh. Mao Zedong yang lahir daripada latar belakang petani, sudah tentu pasti tahu bahawa keluasan satu “mu” sawah(1/15hektar) tidak mungkin dapat menghasilkan 130,000 “jin” beras [13], dan pasti tahu bahawa apa yang dikatakan Peng Dehuai itu adalah benar, juga pasti tahu bahawa Peng Dehuai tidak berniat untuk merebut kekuasaannya, apatah lagi ketika perang PKC-KMT, Peng dengan 20,000 askarnya bermati-matian melawan pasukan Hu Zongnan yang berjumlah 200,000 orang, telah beberapa kali menyelamatkan nyawa Mao Zedong. Namun ketika Peng Dehuai hanya mengkritik Mao dengan dua patah kata, Mao segera membuat puisi yang pernah dibuatnya untuk menghargai Peng ke dalam tong sampah—“Siapa yang berani menuggang kuda dan menarik pedang, hanya Jeneral Peng kita”. Mao kemudiannya memutuskan untuk menghukum mati Peng, dikatakan langsung tidak mengenang budi.

PKC membunuh dengan zalim dan bukannya memerintah dengan kemuliaan dan kebaikan. Sesama anggota sendiri pun saling berperang, bermusuhan, tidak setia antara satu sama lain; PKC mengkhianati negara, bertindak sebagai pengecut, memusuhi kepercayaan, kekurangan kebijaksanaan; melancarkan pergerakan massa, bukannya merupakan cara pemerintahan yang agung. Boleh dikatakan, komunis telah melepassi batas moral terendah daripada “bahkan perompak juga ada cara Taonya”, kejahatannya sudah melampaui prinsip saling menjana dan saling membatasi di alam semesta ini. PKC telah menterbalikkan sifat manusiawi yang wajar secara total, tujuannya adalah untuk menterbalikkankan kriteria antara baik dan jahat, dan memutar-belitkan hukum dan peraturan alam, keangkuhan dan kepongahannya telah sampai ke kemuncaknya, dan tidak akan terlepas daripada takdir kemasuhan pada akhirnya.

## **II. Bertarung dengan Bumi dan Melanggar Hukum Alam, Malapetakanya Tidak Terhingga.**

### **(i) Pertarungan kelas berlanjutan sehingga ke alam semulajadi**

Jin Xunhua, seorang siswazah berkelulusan sekolah tinggi di Wusong, Shanghai pada 1968, juga seorang ahli jawatankuasa tetap Pengawal Merah. Mac 1969, Jin dihantar turun ke desa di Heilongjiang. Pada 15 Ogos 1969 berlakunya banjir besar, tebing sungai mengalami takungan air seakan lautan, Jin bagi menyelamatkan dua buah tiang elektrik pasukan pengeluarannya, melompat ke dalam arus deras hingga menyebabkan kehilangan nyawanya.

Berikut catatan dairi Jin Xunhua sebelum kematianya :

*4 Julai*

*Saya sekarang mulai dapat merasakan pertarungan kelas yang sengit dan meruncing di pedesaan. Sebagai seorang Pengawal Merah Pengerusi Mao, saya telah mempersiapkan diri sepenuhnya, menggunakan pemikiran Mao yang tidak pernah kalah untuk memberikan pukulan keras yang langsung kepada kuasa reaksionis, walaupun terkorban juga harus dengan penuh kerelaan. Demi mengukuhkan kediktatoran proletariat, lalu berusaha bertempur! bertempur! bertempur!*

*19 Julai*

*Kecongkakan barisan xx musuh kelas masih menjadi-jadi. Pemuda terpelajar datang ke pedesaan, untuk ikut serta dalam tiga gerakan pertarungan revolusi besar di pedesaan. Pertama sekali adalah untuk menyertai pertarungan kelas. Kita memang seharusnya bergantung kepada petani miskin, sederhana dan bawahan, lalu menggerakkan massa, agar dapat mengatasi keangkuhan musuh. Kita pemuda terpelajar harus selama-lamanya menjunjung tinggi bendera merah ideologi Mao yang agung, sentiasa tidak melupakan pertarungan kelas, sentiasa tidak melupakan kediktatoran proletariat.*

Jin Xunhua membawa cita-cita memerangi langit dan bumi, dan mengubah manusia ke pedesaan. Daripada catatan dairinya dapat dilihat fikirannya penuh dengan “bertarung”. Dia melaksanakan pemikiran “bertarung dengan manusia” terhadap alam ini, yang pada akhirnya kehilangan nyawanya. Jin Xunhua ialah salah satu contoh daripada falsafah pertarungan, pada masa yang sama tanpa ragu-ragu telah menjadi akan korbannya.

Frederick Engels berkata: “Semulajadi ialah pengenalan terhadap kemestian”. Mao Zedong lagi menambahkan: “dan reformasi terhadap dunia”, penokotambahan ini sesungguhnya sudah cukup bagi menunjukkan sikap PKC terhadap alam semulajadi, iaitu mereformasi alam semulajadi. “Kemestian” yang dikenali komunis ialah materialisme membabi buta, tidak dapat menjelaskan sumber asal “hukum”. Mereka beranggapan bahawa dengan mengembangkan pengenalan subjektif manusia akan dapat memahami hukum yang objektif, sudah dapat menakluki alam semulajadi dan manusia. Komunis telah memporak-porandakan Rusia dan China, dua bidang “sawah percubaannya”.

Lagu dendangan rakyat semasa Langkah Jauh ke Hadapan, lantas menggambarkan kedunguan dan kebodohan PKC: “Biarkan gunung menundukkan kepala, biarlah sungai memberi laluan”. Di langit tidak ada Maharaja Jed, di bumi tidak ada Raja Naga. Akulah Maharaja Jed, akulah raja naga. Aku perintahkan tiga pegunungan dan lima bukit untuk ke tepi dan membuka jalan, Aku telah datang!” [14]

Parti Komunis telah datang! Telah membinasakan dunia yang asalnya harmonis, telah membinasakan keseimbangan alam.

## **(ii) Membinasakan alam semulajadi, menanggung akibat buruknya sendiri**

PKC melaksanakan polisi pertaniannya dengan makanan ruji sebagai kunci utama, secara berleluasa membuka banyak tanah pegunungan dan padang rumput yang tidak sesuai untuk pertanian, juga menimbun sungai, tasik dan laut di China. Apakah akibatnya? PKC menyatakan bahawa pengeluaran hasil makanan pada tahun 1952 sudah melebihi pengeluaran pada masa pemerintahan Nasional Guomintang, namun PKC tidak mendedahkan bahawa, hanya sehingga pada tahun 1972, jumlah pengeluaran hasil makanan China baru melebihi jumlah hasil pengeluaran pada Dinasti Qing sewaktu pemerintahan Qianlong. Sehingga pada ketika ini, purata pengeluaran hasil makanan China, masih jauh tertinggal berbanding dengan masa pemerintahan Dinasti Qing; hanya 1/3 daripada masa kegemilangan bidang pertanian pada Dinasti Song.

Penebangan hutan yang berleluasa, pembendungan sungai dan penimbunan laut telah mengakibatkan kemasuhan ekologi yang drastik di China. Kini ekosistem di China sudah di ambang kehancuran. Pemutusan aliran Sungai Hai, Sungai Huang, pencemaran Sungai Huai dan Sungai Yangtze, nadi yang menjadi penyandaran hidup bangsa Cina diputuskan sepenuhnya. Kehilangan padang rumput di Gansu, Qinghai, Mongolia Dalam dan Xinjiang , menyebabkan pasir kuning terbang bergulungan ke dataran tengah.

Pada tahun 1950-an, PKC di bawah nasihat daripada pakar Rusia, telah membina stesen penjana kuasa elektrik hidraulik “Sanmenxia” di Sungai Huang. Kemampuan penjanaan elektrik yang dapat dihasilkan sehingga kini hanya setara jumlah kuasa yang dihasilkan oleh sebuah sungai sederhana, meskipun Sungai Huang ialah sungai kedua terbesar di China. Apa yang lebih parah lagi, projek ini bahkan menyebabkan penimbunan tanah-tanah di hulu, selanjutnya dasar sungai menjadi tinggi. Kebanjiran yang lebih besar sedikit pun, akan menyebabkan penduduk di kedua-dua tebing tersebut mengalami kerugian besar dalam harta-benda dan nyawa. Tahun 2003, banjir Sungai Wei terjadi dengan puncak tertinggi isipadu pengaliran airnya 3,700 m<sup>3</sup> per saat, hanya merupakan paras banjir biasa yang mungkin dialami setiap tiga sampai lima tahun sekali, namun telah mengakibatkan bencana yang tidak ditemui dalam waktu 50 tahun.

Di Zhumadian, Daerah Henan telah dibina beberapa tangki takungan air yang besar. Tahun 1975, tangki-tangki tersebut runtuh satu demi satu, dalam waktu singkat dua jam sahaja, telah meragut nyawa 60,000 orang, jumlah yang terkorban mencapai 200,000 orang.

Yang perlu dijelaskan di sini ialah tindakan bermaharajarela PKC terhadap tanah China masih berterusan. Empangan besar di Sungai Yangtze, dan Projek Pemindahan Air dari Selatan ke Utara, semua ini menelan perbelanjaan yang sangat besar dan merancang untuk mengubah ekosistem alam semulajadi. Projek “bertarung dengan bumi” yang berskala kecil dan sederhana lagi beraneka ragam. Lebih daripada itu, ada orang yang mengusulkan agar menembuskan suatu laluan di dataran tinggi Qinghai-Tibet dengan menggunakan bom atom, untuk mengubah alam semulajadi China Barat, sifat pongah dan meremehkan bumi ini membuat orang sedunia terkejut, namun memang dalam dugaan orang.

Dalam hexagram (Ba Gua) dalam buku Zhou Yi, leluhur China melihat langit sebagai Qian atau pencipta, dan menghormatinya sebagai Tao langit; memandang bumi sebagai Kun atau penerima, juga menjunjungi kebaikan dan kemuliaan De.

Kun, hexagram selepas Qian, diterangkan dalam buku Zhou Yi [15] seperti berikut: “Menjadi hexagram Kun, sifat bumi adalah untuk menampung hidup dan memperkembangkannya. Berhubungan dengan ini, orang yang alim dan agung menangani dan mempertahankan semua benda ini dengan perilaku yang mulia”

Komen daripada Confucius dalam Zhou Yi berkata, “Kesempurnaan ialah kebesaran Kun, Dia membawa kelahiran kepada semua benda.”

Confucius mengulas lagi sifat Kun,” Kun adalah paling lembut, namun adalah teguh dalam pergerakannya. Dia adalah paling tenang, namun juga seimbang. Berikutnya Dia mendapatkan Tuannya, dan masih bertahan kekal. Dia mengandungi kesemua benda, dan terang dalam pengubahan. Ini caranya bagi menuruti Kun, dan memikul beban langit dan melaksanakannya seiring masa.”

Secara nyata, hanya ibu bumi yang bersifat lembut, teguh, dan memiliki ketahanan kekal malah menuruti langit dan kesemua benda dapat menampung hidup dan berkembang di bumi. Zhou Yi mengajar kita sikap yang betul terhadap Tao langit dan perilaku baik terhadap bumi: untuk menuruti langit, mengikuti bumi dan menghormati alam semulajadi.

Komunis dengan sikap bertempur dengan langit melawan bumi, bertindak secara sembarangan terhadap bumi. Tindakan sewenang-wenang ini bertentangan dengan langit dan bumi; pada akhirnya pasti mendapat balasan daripada langit dan bumi serta hukum alam.

### **III. Bertarung dengan Langit, Menindas Kepercayaan dan Menyangkal Kepercayaan Ketuhanan Ortodoks**

### **(i) Nyawa yang terbatas bagaimana dapat mengenal ruang waktu yang tak terbatas?**

Einstein pernah ditanya oleh anaknya, Edward: “Ayah, mengapa ayah sangat ternama?” Einstein menjawab: “Adakah kamu melihat seekor kumbang buta yang berjalan di atas bola kulit ini? Kumbang tidak merasa bahawa jalan yang dilaluinya adalah berbentuk lengkung, tetapi Einstein mengetahuinya.” Kalimat ini mempunyai erti yang sangat mendalam, orang China berkata: “Tidak mengenal wajah asli Gunung Lu, kerana berada dalam gunung itu.” Jika ingin mengenal suatu sistem, maka harus mengamatinya daripada luar sistem itu. Namun, dengan menggunakan nyawa manusia yang terbatas ini untuk meneliti ruang waktu alam semesta yang tidak terbatas, manusia tidak akan dapat mengetahui wajah keseluruhannya, maka alam semesta akan menjadi misteri manusia yang abadi.

Halangan yang tidak dapat dilewati oleh ilmu sains tentunya merupakan metafizikal, dan secara semulajadinya tergolong dalam lingkungan “kepercayaan”.

Kepercayaan, yang merupakan aktiviti mental dan batin seseorang, dan penghayatan dan pemikirannya terhadap jiwa kehidupan, ruang waktu dan alam semesta sama sekali bukanlah perkara yang harus dikendali oleh suatu parti politik. “Milik Tuhan kembali kepada Tuhan, milik Caeser kembali kepada Caeser.” [16] Namun PKC dengan menggunakan pengertiannya yang cetek kasihan dan melucukan terhadap kehidupan dan alam semesta, menganggap semua yang berada di luar lingkungan teori mereka sebagai “tahyul”, malah lagi mahu mencuci otak mereka yang percaya kepada Tuhan, mengubah, mengkritik, sehingga melenyapkan bentuk fizikal mereka.

Penglihatan dan konsep saintis yang sebenar terhadap alam semesta amatlah terbuka dan luas, tidak akan menggunakan “ilmu yang sudah tahu” yang terbatas untuk menyangkal “perkara yang belum diketahui” yang tidak terbatas. Saintis terkenal, Newton, menerbitkan karya agungnya “Prinsip Matematik” pada tahun 1678. Dalam buku itu Newton telah menguraikan secara terperinci tentang prinsip mekanikal, fenomena pasang dan surut, pergerakan planet, dan juga memperhitungkan pola pergerakan sistem suria. Newton yang telah memperoleh kejayaan dan kehormatan besar, sekali lagi menjelaskan bahawa semua itu hanyalah merupakan penggambaran terhadap fenomena yang terjadi, dan dia langsung tidak berani berbicara tentang erti sebenarnya kebesaran Tuhan yang mencipta alam semesta ini. Sewaktu cetakan kedua “Prinsip Matematik” diterbitkan, dalam buku itu Newton pernah menuliskan sebait kata yang menyatakan kepercayaannya: “Semua yang sempurna dan indah ini termasuklah sistem besar matahari, planet dan komet, hanya tercipta daripada tangan Tuhan Yang Maha Berkuasa...seperti orang buta yang tidak akan mengerti tentang warna, kita tidak akan tahu sama sekali terhadap cara Tuhan memahami segala benda.”

Bahkan tidak membicarakan sama ada syurga yang dapat melewati ruang masa itu wujud atau tidak , dan sama ada seorang kultivator dapat mencapai keadaan kembali ke jati diri atau tidak, namun apa yang pasti, orang yang benar-benar percaya pada agama ortodoks percaya akan adanya hukum karma atau balasan baik mahupun jahat, juga prinsip hubungan antara sebab dan akibat. Kepercayaan ortodoks dapat mempertahankan moral manusia pada standard tertentu. Daripada Aristotle hingga Einstein, mereka semua percaya akan kewujudan suatu hukum universal dalam alam semesta ini. Manusia dengan tak mengenal lelah, melalui pelbagai cara, mencari dan meneliti kebenaran alam semesta ini. Maka selain penemuan sains, bukankah agama, kepercayaan dan kultivasi juga mungkin merupakan jalan dan cara lain untuk menemukan kebenaran?

## **(ii) Komunis China Menghancurkan Kepercayaan Lurus Ortodoks Manusia**

Di dunia ini semua bangsa dalam sejarah percaya kepada Tuhan. Kepercayaan inilah, dan juga kepercayaan terdapatnya hukum kebaikan akan dibalas dengan kebaikan, kejahanan akan dibalas dengan kejahanan, membuat manusia dapat mengekang diri, dan seterusnya dapat mempertahankan standard moral dalam masyarakat. Daripada dulu hingga sekarang, baik aliran ortodoks di Barat maupun aliran Confucianisme, Buddhisme dan Taoisme di Timur, semuanya mengajar kepada manusia bahawa kebahagiaan yang sejati adalah datang daripada kepercayaan kepada tuhan, hormat kepada langit, berbuat baik sesama manusia, menghargai berkat yang diterima dan tahu membala budi.

Pemikiran dasar fahaman komunisme adalah merupakan atheisme, dan mempropagandakan tidak adanya Tuhan, tidak ada Dewa, tidak ada Buddha, dan tidak ada Tao, tidak ada kehidupan sebelumnya dan kehidupan mendatang, tidak ada karma, dan tidak ada balasan. Oleh sebab itu, negara-negara komunis mendorong dan menghasut rakyat jelatanya dan orang gelandangan proletariat [17] untuk tidak percaya kepada Tuhan, tidak perlu membayar karma, tidak perlu patuh pada hukum peraturan, sebaliknya harus memberontak untuk menjadi kaya dengan cara merompak dan menyamun.

Pada zaman kuno di China, walaupun maharaja menganggap diri mereka sebagai kaum bangsawan yang berkedudukan tinggi, namun masih menyebutkan diri mereka sebagai “anak langit”, masih di bawah kuasa pengendalian dan pengekangan daripada “takdir langit”, juga perlu sering kali menilai diri tentang kesilapan sendiri, dan memohon pengampunan daripadanya. Sebaliknya komunis menuntut dirinya mewakili “takdir daripada langit”, tanpa dikekang dengan sebarang hukum peraturan dan kepercayaan ketuhanan, tanpa batasan sama sekali, akibatnya tercipta satu demi satu neraka di atas muka bumi ini.

Marx, bapa kepada komunisme, beranggapan bahawa agama ibarat candu yang melumpuhkan semangat rakyat. Dia takut jika semua orang percaya kepada Tuhan, maka tidak akan menerima fahaman komunismenya. Bab pertama buku Dialektika Alam (*Dialectics of Nature*) yang ditulis oleh Engels pun mengandungi kritikan terhadap kajian hal-hal mistik oleh kumpulan Mendeleyer.

Engels pernah berkata: “Segala perkara yang ada pada abad pertengahan dan sebelumnya, harus memberikan alasan yang kukuh terhadap kewujudannya di hadapan meja pengadilan rasional manusia”. Dengan kata-katanya ini, pada masa yang sama dia telah menempatkan dirinya dan Marx sebagai hakim di hadapan meja pengadilan. Mikhail Bakunin, seorang anarkis yang juga teman kepada Marx, telah memperihalkan Marx seperti berikut: “Dia menampilkan dirinya sebagai Tuhan bagi orang ramai. Dia tidak dapat menerima Tuhan melainkan dirinya sebagai Tuhan. Dia mahu orang lain memujanya seperti Tuhan, menjadikannya sebagai berhala untuk disembah sujud, jika tidak, akan diserang dan ditindasnya”.

Kepercayaan ortodoks tradisional membentuk halangan semulajadi kepada rancangan komunis.

Penindasan PKC terhadap agama boleh dikatakan sudah mencapai pada taraf kegilaan yang tidak terkawal. Ketika Revolusi Kebudayaan, banyak kuil yang dihancurkan, sami-sami diarakkan ke jalan untuk dicela. Di Tibet, 90 peratus kuil mengalami kemasuhan, dan hingga kini masih terdapat ribuan anggota gereja rumahan yang dipenjarakan. Gong Pinmei, seorang paderi Katolik di Shanghai dipenjarakan selama 30 tahun oleh PKC, pada akhir 1980-an baru dapat lepas dan pergi ke Amerika Syarikat. Menjelang saat meninggal dunia di usia 90 tahun lebih, dia membuat surat wasiat seperti yang berikut: “Tunggu sampai PKC sudah tidak lagi berkuasa di China, pindahkan kubur saya kembali ke Shanghai”. Seorang yang disebabkan kepercayaannya, telah dizalimi oleh kuasa jahat, dan

dipenjarakan selama 30 tahun lebih; PKC telah berkali-kali memaksanya, asalkan mahu menyetujui kepimpinan “Jawatankuasa Patriotik Tiga Mandiri” [18] PKC, maka dia akan dilepaskan. Dan beberapa tahun belakangan ini, PKC juga melakukan penindasan terhadap golongan kultivator Falun Gong yang percaya kepada “Sejati, Baik, Sabar”, hal ini merupakan lanjutan daripada doktrin PKC untuk “memerangi langit”, dan juga merupakan hasil daripada pemaksaan keinginan PKC terhadap orang ramai.

Parti Komunis yang atheis bermaksud hendak memimpin dan mengawal kepercayaan orang ramai kepada Tuhan. “Bertarung dengan langit, asyiknya tak terhingga”; sungguh cukup menggelikan, sifat keangkuhannya memang tidak dapat dilukiskan.

## Kesimpulan

Pelaksanaan komunisme telah mengalami kegagalan total di seluruh dunia. Pemimpin negara besar komunis yang terakhir di dunia, Jiang Zemin, pada bulan Mac 2003 pernah berkata kepada wartawan Washington Post seperti berikut: “Ketika masih muda saya pernah mempercayai bahawa komunisme akan menjelang tiba dengan segera, tetapi sekarang saya tidak lagi beranggapan demikian.” [19] Sehingga waktu ketika ini orang yang masih benar-benar percaya akan komunisme sudah sangatlah sedikit.

Kegagalan gerakan komunisme sudahlah menjadi suatu kemestian, kerana memungkari hukum alam semesta, dan mengingkari jalan langit, adalah merupakan suatu kuasa yang menentang alam semesta, maka sudah pasti akan mendapat hukuman daripada takdir langit dan Tuhan.

PKC meskipun berkali-kali bertukar wajah, dan berkali-kali dapat melepaskan diri daripada krisis, tetapi dunia sudah dapat melihat dengan jelas akan kesudahannya. Meskipun PKC sehelai demi sehelai meninggalkan jubah cantiknya, secara terang-terang mendedahkan sifat ketamakan, keganasan, perbuatan tidak tahu malu, watak gengster dan perilaku menentang alam semesta, namun masih mahu mengawal fikiran orang dan melenyapkan etika moral manusia. Komunis masih merupakan bencana yang amat besar bagi peradaban moral manusia, juga keamanan dan kemajuan manusia.

Alam semesta yang luas ini membawa kehendak dan takdir langit yang tidak dapat ditolak, disebut sebagai tekad Tuhan, atau disebutkan sebagai hukum alam semulajadi, juga boleh disebutkan sebagai kekuatan alam semulajadi. Hanya apabila manusia menaruh rasa hormat kepada kehendak langit, menuruti pada alam semulajadi, menghormati hukum alam semesta, mengasihi semua kehidupan, barulah mempunyai kemungkinan untuk memiliki masa depan.

## Nota:

[1] Lao Zi, juga dikenali sebagai Lao Tzu, Li Er atau Li Dan, ahli falsafah China dalam kurun ke-6 sebelum Masehi. Dia diberi penghargaan sebagai penulis Dao De Jing (Tao-Te Ching), buku yang sangat berpengaruh dalam Taoisme.

[2] Dao De Jing, bab ke-25.

[3] Penerangan tersebut berasal daripada Mencius, Buku 2.

[4] Puisi Berima Tiga (San Zi Jing), suatu teks tradisional Cina untuk pendidikan asas.

[5] Mencius, Buku 6.

[6] Karl Marx, “Suatu Sumbangan kepada Kritikan oleh Falsafah Hak Hegel”

[7] Leon Trotsky (1879-1940), ahli teori, ahli sejarah dan pemimpin ketenteraan kepada Komunis Rusia, juga merupakan pengasas kepada Tentera Merah Rusia. Dia dibunuh di Mexico City oleh agen Stalin pada 22 Ogos 1940.

[8] Berdasarkan Zhu Xi atau Chu His (1130-1200), juga dikenali sebagai Zhu-zi atau Chu-tz, seorang sarjana neo-Confucian daripada Dinasti Song, “Pembelajaran Rendah” bercakap tentang tabiat yang baik, manakala “Pembelajaran Tinggi” menerangkan secara terperinci tentang prinsip dasar di sebalik tabiat tersebut. Sumber: Pengelasan Perbualan dengan Tuan Zhu (Zhu Zi Yu Lei), jilid 7, Pelajaran 1.

[9] Lin Biao (1907-1971), salah satu daripada pemimpin senior PKC, berkhidmat di bawah Mao Zedong sebagai ahli dalam Politbiro China, sebagai Timbalan Pengerusi (1958) dan Menteri Pertahanan (1959). Lin dianggap sebagai dalang arkitek Revolusi Kebudayaan. Lin dinamakan sebagai pengganti Mao pada 1966, tetapi tidak mendapat sokongan ramai menjelang 1970. Merasakan kejatuhananya, Lin dituduh terlibat dalam suatu komplot rampasan kuasa, dan cuba mlarikan diri ke USSR ketika terbongkar rancangannya. Ketika dalam pelarian, pesawatnya terhempas di Mongolia, yang menyebabkan kematianya.

[10] Daripada Mao, “Bercakap di Forum Yan'an tentang Kesusasteraan dan Kesenian”. (1942)

[11] Schistosomiasis ialah suatu penyakit yang disebabkan oleh ulat parasit. Jangkitan berlaku melalui sentuhan dengan air yang dicemari. Gejala-gejala yang biasa termasuklah demam panas, sejuk menggil, batuk, dan kesakitan pada otot. Dalam kes yang lebih serius, penyakit ini boleh mengakibatkan kerosakan pada hati, usus, peparu dan pundi kencing, juga dalam kes yang jarang, menyebabkan serangan secara tiba-tiba, kelumpuhan dan keradangan pada saraf tunjang.

[12] Dao De Jing, Bab 2.

[13] “jin” adalah merupakan unit pengukuran Cina bagi jisim. 1 jin = 0.5 kg;  
“mu” ialah unit pengukuran Cina bagi kawasan tanah. 1 mu = 0.165 ekar

[14] Kedua-dua Maharaja Jed dan Raja Naga adalah merupakan watak dongeng China. Maharaja Jed biasanya dipanggil umum sebagai “Tok Langit” (makna diterjemahkan terus), dan dianggap sebagai dewa yang memerintah alam kayangan dalam Daoisme. Manakala Raja Naga pula merupakan pemerintah agung di empat lautan berlainan, yang setiap satu lautannya berdasarkan arah mata angin utama. Raja Naga tinggal di dalam istana kristal, dan dilindungi oleh Tentera Udang dan Jeneral Ketam. Selain memerintah hidupan akuatik, Raja Naga juga dapat memanipulasikan awan dan hujan. Raja Naga Lautan Timur dikatakan mempunyai kawasan yang terbesar.

[15] “The Complete I Ching”, diterjemahkan oleh Alfred Huang. Rochester, VT: Inner Tradisional (1998)

[16] Bible, Matthew, 22:21

[17] Kaum proletariat, secara kasar diterjemahkan sebagai pekerja kasar di kawasan sesak. Istilah ini mengenal pasti kelompok yang terbuang, yang rendah atau merosot darjatnya atau elemen bawah tanah yang membentuk sebahagian daripada populasi bagi pusat perindustrian, ini termasuklah pengemis, pelacur, gengster, pencatut, penipu, penjenayah ringan, penganggur atau penganggur yang tidak boleh digaji yang kronik, orang-orang yang telah disingkirkan daripada industri, dan semua elemen yang merosot. Istilah ini dicipta keluar oleh Marx dalam Perjuangan Kelas di Perancis, 1848-1850.

[18] Jawatankuasa Patriotik Tiga-mandiri (atau Gereja Patriotik Tiga-mandiri, TSPC) adalah merupakan hasil ciptaan PKC. “Tiga mandiri” merujuk kepada “pengendalian sendiri, penyokongan sendiri, dan propaganda sendiri”. Jawatankuasa tersebut mengkehendaki penganut Kristian memutuskan hubungan dengan Kristian di luar China. TSPC mengawal kesemua gereja rasmi di China. Gereja yang tidak menyertai TSPC dipaksa untuk tutup. Pemimpin dan pengikut bagi gereja rumah yang berdikari biasanya dihukum penjara.

[19] John Pomfret. “Jiang memberi amaran kepada US- pemimpin China berkata urusan penjualan alat senjata boleh merangsangkan pembinaan”, Washington Post, 24 Mac 2001.